

Analisis Terhadap Corak Ayat Perintah dalam Titah Belia 2019 - 2024: Kajian Ayat Perintah Nyata dan Tidak Nyata

* Awangku Muhammad Mirza Muazzam bin Pg Hj Masrul Aswadi, Dk Faten
Fikriyah @Dk Ummi Syafiyah binti Pg Hj Khairul Anuar

Malay Language and Linguistics, Faculty of Arts and Social Sciences, Universiti Brunei Darussalam,
Gadong, BE1410, Brunei Darussalam

*Corresponding Author e-mail: mirzaaswadi@gmail.com

Received: February 2025; Revised: July 2025; Published: July 2025

Abstrak

Kajian ini memfokuskan kepada analisis ayat perintah dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya tentang belia dalam tempoh lima tahun kebelakangan (2019 – 2024). Dengan menggunakan kaedah kualitatif analisis teks, kajian ini meneliti jenis dan corak ayat perintah yang nyata mahupun tidak nyata dalam titah diraja kepada golongan belia. Berlandaskan Teori Speech Act (Austin, 1962) atau Tindak Tutur merupakan salah satu pendekatan dalam bidang pragmatik yang meneliti bagaimana ujaran bukan sekadar menyampaikan maklumat tetapi juga berfungsi sebagai satu bentuk tindakan. Analisis ini memberi perhatian kepada struktur, fungsi, dan kehalusan ayat dalam titah KDYMM, yang bukan sahaja menyampaikan arahan tetapi juga nilai-nilai murni dan wawasan negara. Kajian ini mendapati bahawa penggunaan ayat perintah yang nyata dan tidak nyata, mencerminkan kebijaksanaan KDYMM dalam memberi inspirasi dan mendorong golongan belia untuk memainkan peranan sebagai pemacu utama pembangunan negara. Hasil kajian ini bukan sahaja memperkaya bidang pengajian bahasa tetapi juga memberikan sumbangan bermakna dalam memahami komunikasi dalam sistem pemerintahan beraja terutama di Negara Brunei Darussalam.

Kata Kunci: titah, ayat perintah, belia, teori tindak tutur (1962)

Abstract

This study focuses on the analysis of imperative sentences in the royal decrees of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, especially regarding youth in the past five years (2019 – 2024). Using qualitative text analysis methods, this study examines the types and patterns of imperative sentences, both explicit and implicit, in royal decrees to youth. Based on Speech Act Theory (Austin, 1962) or Tindak Tutur is one approach in the field of pragmatics that examines how utterances not only convey information but also function as a form of action., this analysis pays attention to the structure, function, and subtlety of sentences in His Majesty's decrees, which not only convey instructions but also the nation's noble values and vision. This study found that the use of explicit and implicit imperative sentences reflects His Majesty's wisdom in inspiring and encouraging youth to play a role as the main drivers of national development. The results of this study not only enrich the field of language studies but also provide a meaningful contribution to understanding communication in the monarchy system, especially in Brunei Darussalam.

Keywords: titah, imperative sentence, youth, speech act theory (1962).

How to Cite: Muazzam, A. M. M., & Fikriyah, D. F. (2025). Analisis Terhadap Corak Ayat Perintah dalam Titah Belia 2019 - 2024: Kajian Ayat Perintah Nyata dan Tidak Nyata. *International Journal of Linguistics and Indigenous Culture*, 3(2), 93–105. <https://doi.org/10.36312/ijlic.v3i2.2616>



<https://doi.org/10.36312/ijlic.v3i2.2616>

Copyright© 2025, Muazzam & Fikriyah.

This is an open-access article under the [CC-BY-SA](https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/) License.



PENGENALAN

Pemerintahan beraja memang telah wujud dalam sistem sosial di negeri-negeri Melayu sejak berabad-abad lamanya. Menurut sistem beraja ini, raja mempunyai kuasa mutlak dalam setiap pemerintahan dan pentadbiran negara yang dibantu oleh menteri-menteri (Nazri Muslim, 2014). Dalam menjalankan kuasa mutlak ini, titah digunakan sebagai alat komunikasi penting yang melambangkan autoriti kepada raja untuk memastikan kesejahteraan dan kestabilan rakyat. Titah diraja adalah sebahagian daripada warisan yang dipraktikkan dalam sistem monarki beraja sejak dahulu lagi (Hussin & Yahya, 2024). Titah menurut Jabatan Adat Istiadat Negara (JAIN, 2018) merupakan perintah, ucapan, kata atau hukuman yang berkolokasi atau berpadanan dengan raja dan permaisuri. Melalui titah sebagai simbol autoriti dalam sistem pemerintahan beraja, institusi beraja bukan sahaja memastikan kestabilan negara, tetapi juga menzahirkan komitmen terhadap pembangunan belia sebagai teras masa depan bangsa dan negara. Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 menetapkan visi untuk melahirkan belia yang berakhlak mulia bertaraf dunia dan agen siaga perubahan dalam semua pembangunan negara secara inklusif, selaras dengan komitmen institusi raja dalam pembangunan belia (KKBS, n.d.). Oleh itu, jelas bahawa institusi raja bukan sahaja memastikan kestabilan negara, tetapi juga berperanan aktif dalam pembangunan belia sebagai teras masa depan bangsa dan negara.

Bagi melihat masa depan sesebuah negara itu, golongan belia masa kini perlu diberikan perhatian. Ini kerana golongan belia merupakan pemimpin masa depan yang akan meneruskan kesinambungan pentadbiran, ekonomi dan pembangunan negara.

Dalam teks Titah Belia Negara Brunei Darussalam 2019-2024, ayat perintah digunakan bagi menyampaikan suruhan, larangan, silaan dan permintaan kepada golongan belia dan kakitangan kerajaan yang terlibat. Ayat perintah dalam Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (KDYMM) dapat dipecahkan kepada dua jenis iaitu nyata dan tidak nyata. Ayat perintah nyata ini lebih bersifat eksplisit dan memberikan arahan yang jelas bagi memastikan golongan belia memahami kewajiban mereka dalam menyumbang kepada kemajuan negara. Sebaliknya, ayat perintah tidak nyata pula lebih bersifat halus dan tersirat. Ayat perintah juga sering disampaikan dalam bentuk yang tidak nyata perintahnya. Disebabkan oleh itu, sesuatu bentuk ayat titah yang diujarkan perlu diteliti dengan lebih mendalam untuk memahami maksud ayat yang berbentuk perintah tersebut. Ayat perintah tidak nyata ini berfungsi untuk membangkitkan kesedaran dalam kalangan belia di Negara Brunei Darussalam (NBD) ini agar dapat berfikir dengan minda yang tajam dan kritis, selaras dengan wawasan Brunei 2035. Dengan menggabungkan kedua-dua bentuk ayat perintah ini, titah belia NBD bukan sahaja berperanan sebagai arahan rasmi tetapi juga sebagai sumber inspirasi yang menggalakkan golongan belia untuk bertindak secara proaktif dalam pembangunan negara.

Persoalan kajian yang dapat diketengahkan di dalam kajian ini adalah untuk mengetahui bagaimanakah corak penggunaan ayat perintah nyata dan tidak nyata

yang terdapat dalam Titah Sambutan Hari Belia Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 2019-2024. Seterusnya untuk mengetahui bagaimanakah cara atau strategi penyampaian ayat perintah dalam Titah Sambutan Hari Belia Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 2019-2024. Kajian ini bertujuan untuk melihat corak ayat perintah yang biasa digunakan dalam titah KDYMM terutama bagi titah yang menyentuh mengenai dengan belia. Tujuan kajian ini berlandaskan kepada dua objektif utama iaitu untuk mengenal pasti jenis ayat perintah yang digunakan dalam titah belia dan untuk menganalisis corak penggunaan ayat perintah yang terdapat dalam Titah Sambutan Hari Belia Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dari tahun 2019 hingga 2024. Kepentingan kajian ini terletak pada usaha untuk memahami gaya komunikasi dan strategi linguistik yang digunakan oleh KDYMM dalam menyampaikan amanat kepada golongan belia. Ayat perintah yang digunakan dalam titah diraja bukan sahaja mengandungi unsur arahan atau galakan, tetapi juga mencerminkan pendekatan halus dan berhemah dalam mendidik serta membimbing rakyat. Kajian ini penting kerana dapat memberi gambaran bagaimana bahasa yang digunakan oleh pemimpin negara memainkan peranan dalam membangunkan jati diri dan semangat nasionalisme dalam kalangan belia. Selain itu, dapatan daripada kajian ini juga dapat dijadikan rujukan dalam kajian wacana diraja, linguistik pragmatik, serta komunikasi strategik dalam konteks Brunei Darussalam.

Belia merupakan aset penting dalam pembangunan sesebuah negara kerana mereka berperanan sebagai penggerak utama dalam kemajuan masyarakat dan ekonomi. Sebagai generasi penerus, belia perlu diberikan perhatian dalam pelbagai aspek seperti pendidikan, kemahiran, dan kesejahteraan sosial agar mereka dapat menyumbang secara aktif kepada pembangunan negara (Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, n.d.). Di NBD, golongan belia sering menjadi fokus utama dalam dasar dan strategi negara, selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035 yang menekankan kepentingan masyarakat yang berpendidikan tinggi, berkemahiran, dan mempunyai kualiti hidup yang baik (Jabatan Perangkaan Brunei Darussalam, 2021). Keprihatinan terhadap golongan belia ini turut sering disuarakan dalam titah KDYMM, yang menegaskan peranan belia dalam membangun dan memajukan negara (Titah KDYMM, 2023).

Disebabkan oleh itu, kepentingan belia sering disebut-sebut melalui titah KDYMM agar perkara yang berkaitan dengan belia ini sentiasa disuarakan dan diambil perhatian serius. Walau bagaimanapun, memang tidak dapat dinafikan bahawa dari titah KDYMM, kebanyakan perkara yang diujarkan akan dinilai dan dikuatkuasakan oleh kerajaan KDYMM.

Namun yang demikian, perlu diketahui terlebih dahulu siapakah yang dimaksudkan dengan golongan belia ini. Menurut Kementerian Kebudayaan Jabatan Belia Dan Sukan (n.d.) belia di NBD khususnya adalah lelaki dan perempuan yang berumur antara 15 tahun hingga 40 tahun. Terdapat sekitar 152,700 orang dalam kumpulan yang berumur 15 tahun hingga 40 tahun iaitu 45.12 peratus daripada jumlah tersebut adalah penduduk tetap. Daripada jumlah ini, 81,100 orang (53.1%) adalah lelaki dan 71,600 orang (46.9%) adalah perempuan. Melalui intipati titah KDYMM, golongan belia ini khususnya 5 tahun kebelakangan (2019–2024) digambarkan sebagai belia yang mampu untuk menjadi penggerak penting dalam kemajuan negara. Matlamat dasar belia negara menurut Kementerian Kebudayaan

Jabatan Belia Dan Sukan ialah untuk “Mewujudkan Belia Brunei Cemerlang”. Ini kerana dasar ini selaras dengan Wawasan Brunei 2035 yang bertujuan menghasilkan masyarakat berpendidikan tinggi, berkemahiran dan menikmati kualiti hidup yang tinggi.

Nama belia ini mula naik apabila dunia menghadapi krisis pandemik Covid-19 kerana pada ketika itu para belia banyak memberikan jasa dan bakti yang besar kepada negara seperti mengikuti beberapa program bantuan bersama kerajaan dan masyarakat untuk mengharungi wabak penyakit berjangkit yang melanda dunia pada ketika itu. Mereka juga terlibat dalam pelbagai aktiviti sukarelawan, menyumbang tenaga dalam operasi barisan hadapan, serta memberikan sokongan kepada komuniti masyarakat yang memerlukan. Titah yang disampaikan oleh KDYMM ini sering kali mencerminkan visi negara, termasuk usaha untuk memberi perhatian terhadap golongan belia dalam bidang pendidikan, ekonomi dan sosial sebagai langkah untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

SOROTAN LITERATUR

Dalam sistem pemerintahan beraja, titah diraja bukan sekadar ucapan rasmi, tetapi juga satu bentuk komunikasi yang berpengaruh dan mencerminkan kebijaksanaan pemerintah. Berdasarkan kepentingan ini, kajian terdahulu telah meneliti strategi komunikasi yang digunakan dalam titah diraja untuk memastikan penyampaian mesej yang berkesan. Oleh itu, kajian ini akan membandingkan dapatan kajian-kajian lepas mengenai penggunaan ayat perintah dalam titah diraja dan bagaimana ia memainkan peranan dalam membentuk persepsi serta tindakan rakyat.

Kajian Hussin dan Yahaya (2022) meneliti gaya bahasa kiasan dan retorik dalam titah KDYMM Sultan Nazrin Shah, Sultan Perak. Mereka menggunakan pendekatan analisis wacana untuk memahami bagaimana titah diraja berfungsi bukan sahaja sebagai medium penyampaian maklumat tetapi juga sebagai alat penyatuan rakyat. Kajian ini menunjukkan bahawa strategi bahasa yang digunakan dalam titah diraja menekankan nilai-nilai asas seperti integriti, perpaduan, dan tanggungjawab. Kajian ini turut menyoroti keseimbangan antara kuasa dan diplomasi dalam penggunaan ayat perintah, mencerminkan kebijaksanaan dalam kepimpinan.

Sebaliknya, kajian Mokhtar (2015) yang bertajuk "Fungsi Ayat Perintah dalam Komunikasi Formal di Malaysia" lebih memberi tumpuan kepada pendekatan linguistik. Kajian ini mengkaji bagaimana ayat perintah digunakan dalam pelbagai bentuk komunikasi rasmi, termasuk titah diraja dan ucapan kerajaan. Mokhtar (2015) mendapati bahawa penggunaan ayat perintah dalam komunikasi formal dibentuk dengan nada yang sopan tetapi tetap berkesan dalam menyampaikan arahan. Penemuan ini menunjukkan bahawa strategi komunikasi yang digunakan dalam titah diraja tidak bersifat paksaan, tetapi memberikan hala tuju yang jelas kepada rakyat tanpa menimbulkan kesan negatif.

Sementara itu, Zainal (2017) pula mengkaji penggunaan ayat perintah dalam ucapan pemimpin politik Malaysia. Berbeza dengan kajian Hussin dan Yahaya (2022) serta Mokhtar (2015), kajian ini lebih menumpukan kepada aspek komunikasi politik. Zainal mendapati bahawa pemimpin politik sering menggunakan ayat perintah secara tidak langsung untuk mengelakkan reaksi negatif daripada masyarakat.

Dengan menggunakan strategi komunikasi yang lebih halus, pemimpin dapat menyampaikan mesej mereka dengan lebih berkesan. Ini menunjukkan bahawa penggunaan ayat perintah secara tidak langsung bukan sahaja terdapat dalam wacana politik tetapi juga dalam titah diraja bagi mengekalkan keharmonian sosial.

Kajian Yusof (2021) pula meneliti gaya bahasa Sultan Kelantan dalam titah baginda, khususnya dalam isu yang berkaitan dengan pendidikan dan pembangunan belia. Kajian ini berbeza daripada kajian terdahulu kerana ia memberi tumpuan kepada wacana sosial dalam titah diraja. Beliau mendapati bahawa titah Sultan Kelantan mengandungi unsur keprihatinan terhadap pembangunan belia dengan memberikan motivasi kepada mereka untuk memainkan peranan aktif dalam pembangunan negara. Gaya bahasa yang digunakan menekankan kepentingan pendidikan, disiplin, dan nilai-nilai murni, yang mencerminkan usaha pemerintah untuk membentuk generasi yang berilmu dan berakhlak tinggi.

Dalam komunikasi formal, mesej sering disampaikan secara tersirat bagi memastikan keberkesanan dan penerimaan yang lebih baik. Teori ini sejajar dengan kajian Zainal (2017) dan Mokhtar (2015) yang menunjukkan bahawa ayat perintah dalam titah diraja sering disampaikan dalam bentuk yang lebih halus bagi mengelakkan kesan negatif terhadap rakyat.

Kajian semasa ini berbeza daripada kajian-kajian terdahulu kerana kajian ini lebih menumpukan kepada analisis teks titah KDYMM bersempena Hari Belia Kebangsaan dari tempoh 2019 hingga 2024. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif iaitu analisis teks. Kaedah ini sejajar dengan kajian Hussin dan Yahaya (2022) serta Mokhtar (2015) yang turut menggunakan pendekatan analisis wacana dan linguistik. Namun, kajian ini juga menggunakan pendekatan kepustakaan untuk mengumpulkan data dari dokumen-dokumen rasmi, seperti yang dinyatakan oleh Mohd Shaffie (1991), bagi mendapatkan maklumat yang relevan.

Kajian ini menggunakan Teori Tindak Tutur (Austin, 1962) dalam menganalisis ayat perintah dalam titah diraja. Teori ini menekankan komponen seperti 'Lokusi' yang merujuk kepada kata-kata literal serta 'Ilokusi' yang merujuk kepada tujuan yang ingin dicapai melalui sesuatu ujaran. Pendekatan ini berbeza daripada Relevance Theory yang digunakan dalam kajian Zainal (2017) dan Wilson & Sperber (1995). Dengan menggunakan Teori Tindak Tutur, kajian ini dapat memperlihatkan perbezaan antara ayat perintah nyata dan tidak nyata dalam titah KDYMM tentang belia.

Secara keseluruhannya, kajian terdahulu menunjukkan bahawa penggunaan ayat perintah dalam titah diraja bukan sekadar memberi arahan, tetapi juga berfungsi sebagai alat komunikasi yang berkesan dalam menyampaikan wawasan dan harapan kepada rakyat. Kajian ini menegaskan bahawa struktur dan gaya bahasa yang digunakan dalam titah diraja mencerminkan kebijaksanaan pemerintah dalam memimpin rakyat sambil mengekalkan keharmonian sosial. Oleh itu, dengan mengaplikasikan Teori Tindak Tutur, kajian ini dapat memberikan perspektif yang lebih mendalam tentang corak ayat perintah dalam titah belia serta peranannya dalam membentuk kesedaran dan tindakan golongan belia.

KERANGKA TEORI

Teori Speech Act atau Tindak Tutur merupakan salah satu pendekatan dalam bidang pragmatik yang meneliti bagaimana ujaran bukan sekadar menyampaikan maklumat tetapi juga berfungsi sebagai satu bentuk tindakan. Teori ini mula diperkenalkan oleh J.L. Austin (1962) dalam bukunya *How to Do Things with Words* (1962) dan kemudian dikembangkan oleh John Searle (1969) dalam *Speech Acts: An Essay in the Philosophy of Language*. Melalui teori ini, Austin dan Searle menjelaskan bahawa pertuturan terdiri daripada lebih daripada sekadar makna literal, kerana setiap ujaran mempunyai fungsi tertentu yang memberi kesan kepada pendengar.

Austin (1962) membahagikan tindakan pertuturan kepada tiga komponen utama, iaitu lokusi, ilokusi, dan perlokusi. Lokusi merujuk kepada penyampaian literal sesuatu ujaran, iaitu perkataan yang diucapkan secara langsung. Ilokusi pula merujuk kepada maksud dan tujuan sebenar ujaran, seperti memberi arahan, nasihat, atau amaran. Sementara itu, perlokusi adalah kesan yang ditimbulkan dalam kalangan pendengar akibat ujaran tersebut. Sebagai contoh, dalam titah KDYMM, Baginda bertitah, "Belia adalah harapan negara," dari segi lokusi, ujaran ini hanyalah satu pernyataan tentang belia. Namun, secara ilokusi, titah tersebut membawa maksud bahawa belia mempunyai tanggungjawab besar dalam pembangunan negara. Kesannya atau perlokusi, pendengar, khususnya golongan belia, mungkin terdorong untuk lebih aktif dalam pembangunan negara. Namun, dalam analisis ini, penekanan hanya diberikan kepada lokusi dan ilokusi kerana perlokusi lebih bersifat subjektif dan sukar diukur secara langsung.

Teori Tindak Tutur (Austin 1962) memberikan pendekatan yang sistematik dalam menganalisis bagaimana ujaran bukan sahaja berfungsi sebagai komunikasi, tetapi juga sebagai tindakan yang memberi kesan kepada pendengar. Dalam titah diraja, pelbagai bentuk tindakan pertuturan digunakan terutamanya dalam ayat perintah untuk menyampaikan suruhan, larangan, silaan dan permintaan yang dapat mempengaruhi golongan belia dan masyarakat secara umum. Dengan menggunakan teori ini, kita dapat memahami bagaimana Titah KDYMM bukan sekadar wacana biasa, tetapi juga berfungsi sebagai perintah dan seruan yang berkesan bagi mencapai matlamat negara.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk melihat corak ayat perintah dalam titah belia. Kaedah yang digunakan untuk kajian ini ialah kaedah kualitatif iaitu analisis teks untuk menganalisis data. Menurut Hasanudin (2017) menyatakan bahawa penggunaan kaedah kualitatif merupakan jenis penelitian berupa penjelasan kata-kata atau kalimat dan bukan melibatkan statistik atau perkiraan. Manakala Bogdan dan Taylor (dalam Moleong, 2000:3) mendefinisikan metodologi kualitatif sebagai cara penelitian yang menghasilkan data deskriptif berupa kata-kata tertulis atau lisan dari seseorang atau perkara yang dapat diamati.


Data yang digunakan bagi kajian ini ialah teks Titah KDYMM yang disampaikan bersempena Hari Sambutan Hari Belia Kebangsaan bagi tempoh masa tahun 2019 hingga 2024. Pemilihan data ini diambil dari titah lima tahun kebelakangan kerana ia masih relevan dengan isu-isu semasa golongan belia berbanding teks titah lama yang memperlihatkan unsur perintah. Teks titah-titah ini diperolehi melalui laman web

rasmi Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam. Dengan itu, kaedah yang digunakan dalam kajian ini membantu untuk memberi penemuan yang relevan tentang corak ayat perintah yang digunakan dalam titah belia. Selain daripada itu, kajian ini juga menggunakan kaedah kepustakaan. Menurut Mohd Shaffie (1991), kajian kepustakaan merupakan cara yang digunakan oleh para penyelidik atau penulis bagi mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod-rekod yang sedia ada. Penggunaan kaedah ini bertujuan untuk membantu mendapatkan dapatan atau maklumat yang relevan berkaitan dengan kajian seperti merujuk kepada buku-buku, dokumen untuk memastikan bahawa setiap ayat yang dianalisis selaras dengan ayat perintah dalam kategori yang betul.

Seterusnya, penganalisan data menggunakan Teori Tindak Tutur (1962). Terdapat beberapa komponen utama Teori Tindak Tutur (1962) yang digunakan bagi menganalisis data kajian iaitu 'Lokusi' yang merujuk kepada kata-kata yang berbentuk literal dan 'Ilokusi' iaitu sesuatu yang ingin dicapai oleh penutur melalui ucapannya. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya mengambil beberapa potongan ayat dan bentuk kata yang digunakan dalam titah KDYMM tentang belia yang menyampaikan ayat perintah dan dikaitkan dengan Teori Tindak Tutur (1962). Dengan itu, analisis teks ini dapat membantu untuk memperlihatkan perbezaan sama ada ia tergolong dalam ayat perintah nyata dan tidak nyata mengikuti Teori Tindak Tutur (1962). Menurut Moleong (2005:103) kaedah penganalisan data ini merupakan satu proses yang membantu untuk memudahkan penyusunan, pengelompokan data dan unit asas bagi kategori tersebut. Oleh itu, penganalisan data dapat memudahkan data disusun dengan lebih teratur dan memberi gambaran yang jelas tentang corak ayat perintah yang ada dalam titah KDYMM.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis kajian ini menunjukkan bahawa terdapat beberapa ayat perintah dalam Titah Sambutan Hari Belia Kebangsaan yang mengandungi ayat perintah nyata dan tidak nyata. Walau bagaimanapun, kajian ini menganalisis data menggunakan Teori Tindak Tutur (Austin, 1962) tetapi hanya memfokuskan kepada dua komponen utama sahaja iaitu lokusi dan ilokusi. Selain daripada itu, konteks ayat yang digunakan memainkan peranan untuk membezakan sama ada sesuatu ayat perintah itu tergolong dalam ayat perintah yang nyata dan ayat perintah yang tidak nyata. Berikut merupakan rajah 1. yang menunjukkan jumlah ayat perintah nyata dan tidak nyata dalam Titah Sambutan Hari Belia Kebangsaan bagi tahun 2019-2024 :



Rajah 1. Jumlah ayat perintah nyata dan tidak nyata dalam Titah Sambutan Hari Belia Kebangsaan 2019-2024

Berdasarkan Rajah 1, dapat dilihat bahawa terdapat perubahan dalam gaya penyampaian dan penggunaan ayat perintah dalam Titah Sambutan Hari Belia Kebangsaan. Walau bagaimanapun, penggunaan ayat perintah nyata lebih dominan digunakan berbanding ayat perintah tidak nyata dalam titah belia tahun 2019 hingga 2024.

Ayat perintah

Menurut Kamus Tata Bahasa Dewan (2011) ayat perintah ialah ayat yang digunakan dengan tujuan untuk menimbulkan sesuatu tindakan. Ayat perintah boleh dibahagikan kepada empat kategori utama: iaitu ayat suruhan, ayat larangan, ayat silaan dan ayat permintaan.

Ayat perintah: Suruhan

Berdasarkan daripada pengumpulan data yang dijalankan, sebanyak tujuh ayat dalam Titah Sambutan Hari Belia Kebangsaan yang mengandungi ayat perintah suruhan. Contoh data adalah seperti berikut :

- 1a) Para belia **wajar** tampil ke hadapan untuk memainkan peranan (Titah Sambutan Hari Belia Kebangsaan Tahun 2019)
- 1b) **Kekalkan** identiti ini untuk mendapatkan keyakinan masyarakat terhadap mereka. (Titah Sambutan Hari Belia Kebangsaan Tahun 2021).

Contoh data (1a) dan (1b) ayat Titah KDYMM yang berbentuk ilokusi dalam Teori Tindak Tutur (Austin, 1962) yang memberi makna secara tidak langsung atau tersirat. Kata 'wajar' dalam (1a) menunjukkan bahawa tindakan yang perlu dilakukan oleh para belia. Manakala dalam data (1b), kata 'kekalkan' merupakan kata yang menandakan sebagai ayat perintah suruhan yang membawa maksud mengekalkan identiti tersebut dalam diri belia. Ayat (1a) dan (1b) ini termasuk dalam kategori ayat perintah tidak nyata kerana ia tidak disampaikan secara jelas sesuatu suruhan tersebut tetapi lebih membawa makna secara implisit.

- 1c) Maka disinilah, para belia itu **perlu** insaf, bahawa mereka adalah ibarat 'cermin' masyarakat, dimana baik atau buruk keadaan, dapat dilihat menerusi cermin ini (Titah Sambutan Hari Belia Kebangsaan Tahun 2021).
- 1d) Sayugia juga para belia **dikehendaki** lebih berani untuk tampil ke hadapan dan keluar dari comfort zone dengan mengorak langkah lebih jauh bagi menembusi dan menguasai pasaran serantau dan antarabangsa (Titah Sambutan Hari Belia Kebangsaan Tahun 2023)
- 1e) Oleh itu, agensi-agensi berkenaan adalah **perlu** untuk meningkatkan usaha dan memikirkan tatacara yang mudah bagi belia menceburi perniagaan dan sebagainya, termasuk memudahkan urusan peminjaman modal-modal perniagaan bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing dalam bidang inovasi dan teknologi. (Titah Sambutan Hari Belia Kebangsaan Tahun 2024)
- 1f) Walau begitu, adalah diingatkan, dalam mengejar kejayaan, golongan belia **hendaklah** tetap mengekalkan ciri-ciri kebruneian 'Berakhlak Mulia', dengan mematuhi dan menghormati hukum-hukum ugama dan Undang-Undang. (Titah Sambutan Hari Belia Kebangsaan Tahun 2023).

1g) Namun masih perlu diingatkan, dalam mengejar kejayaan, golongan belia **hendaklah** tetap mengekalkan ciri-ciri kebruneian, dengan mematuhi dan menghormati hukum-hukum ugama dan Undang-Undang. (Titah Sambutan Hari Belia Kebangsaan Tahun 2024)

Ayat (1c), (1d), (1e), (1f) dan (1g) merupakan ayat perintah suruhan dalam Titah KDYMM yang berbentuk lokusi mengikut Teori Tindak Tutur (Austin, 1962) yang memberi makna secara literal. Dalam ayat (1c) dan (1e) pula merupakan ayat perintah yang disampaikan melalui kata 'perlu' yang mesti diketahui oleh para belia dan agensi-agensi berkaitan peranan mereka. Menurut Kamus Dewan (2005) kata 'perlu' merujuk kepada sesuatu yang mesti ada atau dilakukan iaitu tanpa perkara tersebut, sesuatu keadaan atau matlamat tidak dapat dicapai dengan baik. Begitu juga dengan kata 'dikehendaki' yang didefinisikan sebagai sesuatu yang diperlukan dan diinginkan (Dewan Bahasa Pustaka, n.d.). Kata ini memberi suruhan agar para belia lebih berani dalam mengambil peluang untuk menceburi bidang dari zon keselesaan belia. Oleh itu, data (1c), (1d) dan (1e) merupakan ayat perintah nyata kerana ayat tersebut disampaikan secara lokusi bahawa ia merupakan suatu ayat perintah suruhan.

Seterusnya, ayat (1f) dan (1g) penggunaan kata 'hendaklah' menunjukkan bahawa ayat tersebut berbentuk perintah dan disampaikan secara tersurat. Mengikuti Teori Tindak Tutur (Austin, 1962), kata ini juga tergolong dalam lokusi disebabkan ayat ini disampaikan secara literal yang menunjukkan bahawa ia merupakan suatu perintah. Kata 'hendaklah' berasal daripada kata dasar 'hendak' yang membawa maksud mesti, harus atau patut (Kamus Dewan Edisi Keempat). Ini menunjukkan bahawa kata 'hendaklah' merupakan kata suruhan kerana ia harus, mesti dan patut dilaksanakan sebagai suruhan atau arahan daripada KDYMM.

Ayat perintah: larangan

Hasil daripada pengutipan data terdapat dua sahaja ayat larangan dalam Titah KDYMM dalam Sambutan Hari Belia Kebangsaan dari tahun 2019 hingga 2024. Menurut Nik Safiah Karim (1994: 46) ayat larangan dalam bahasa Melayu ialah "ayat yang menggunakan kata larangan seperti jangan, usah atau tak usah sebelum kata kerja bagi tujuan menghindari seseorang melakukan sesuatu". Terdapat penambahan partikel "lah" selepas kata 'jangan' juga tergolong dalam kata larangan namun penambahan partikel tersebut digunakan untuk memberi unsur yang melembutkan larangan (Nik Safiah Karim, 1994: 430). Sehubungan dengan itu, berikut adalah contoh bagi data yang mengandungi ayat larangan dalam Titah KDYMM :

2a) Kerajaan Beta sangat prihatin, supaya para belia **jangan** hanya duduk-duduk atau asyik berseronok sahaja, tetapi paculah semangat untuk menjiwai usaha-usaha yang berkebakikan. (Titah Sambutan Hari Belia Kebangsaan Tahun 2019).

2b) **Jangan** runtuhkan identiti belia yang baik (Titah Sambutan Hari Belia Kebangsaan Tahun 2021).

Ayat (2a) dan (2b) merupakan ayat perintah larangan yang berbentuk lokusi dalam Titah KDYMM berlandaskan Teori Tindak Tutur (Austin, 1962). Dalam (2a) menyatakan larangan kepada para belia untuk tidak berdiam diri atau sibuk berseronok sahaja. Sementara ayat (2b) lebih tegas cara penyampaiannya yang melarang untuk tidak merosakkan identiti mereka. Kamus Dewan Edisi keempat

(2010: 606) menyatakan bahawa kata 'jangan' termasuk dalam kata yang membawa maksud larangan.

Ayat perintah: Silaan

Sebanyak satu sahaja ayat perintah silaan yang digunakan dalam Titah Sambutan Hari Belia Kebangsaan bagi tahun 2019 hingga 2024. Ayat tersebut menggunakan kata 'mengalu-alukan' yang menunjukkan kata silaan yang berbentuk ilokusi mengikut Teori Tindak Tutur (Austin, 1962). Contoh data ayat perintah silaan ialah seperti berikut :

3a) Beta **mengalu-alukan** kiranya lebih ramai lagi para usahawan belia menceburkan diri dalam bidang keusahawanan, sebagai usaha memperkasa ekonomi negara. (Titah Sambutan Hari Belia Kebangsaan Tahun 2022)

Dalam (3a), ayat titah KDYMM yang digunakan ialah ayat yang berbentuk ilokusi berlandaskan Teori Tindak Tutur (Austin, 1962). Ayat ini merupakan ayat perintah tidak nyata kerana ia disampaikan secara implisit atau tidak langsung yang lebih berbentuk aluan.

Ayat perintah: Permintaan

Berdasarkan Titah KDYMM Sambutan Hari Belia Kebangsaan, beberapa data menunjukkan kata yang berunsur permintaan. Sebagai contoh kata 'ingin', 'berharap' dan 'elok'. Menurut Kamus Besar Bahasa Indonesia (n.d.), permintaan bermaksud perihal meminta, mahu atau sesuatu yang diinginkan. Berikut adalah contoh ayat permintaan yang digunakan dalam Titah KDYMM :

4a) Kita tidak mahu untuk hanya jadi penonton, tetapi yang kita mahu ialah untuk **bersaing** sehingga ke arena global. (Titah Sambutan Hari Belia Kebangsaan Tahun 2019).

4b) Pada hemat Beta, Program i-Usahawan ini, **elok** juga dilaratkan ke dalam sektor bukan tenaga, terutama dalam sektor awam dan keseluruhan pelaburan yang dihasratkan. (Titah Sambutan Hari Belia Kebangsaan Tahun 2021)

Contoh bagi data (4a) menunjukkan ayat perintah tidak nyata kerana penggunaan frasa "tetapi yang kita mahu ialah untuk bersaing" disampaikan secara ilokusi dalam Teori Tindak Tutur (Austin, 1962). Ayat (4b) pula memberi permintaan menggunakan kata 'elok' iaitu lebih berunsur lembut tetapi memberi makna secara implisit. Kata tersebut tergolong dalam kategori ilokusi mengikut Teori Tindak Tutur (Austin, 1962).

4c) Beta **ingin** melihat lebih ramai golongan 'Belia Cemerlang' yang berani mendepani perubahan dan meneroka bidang-bidang baharu dalam masyarakat. (Titah Sambutan Hari Belia Kebangsaan Tahun 2024)

4d) Beta **berharap**, ciri ini biarlah kekal untuk mewarnai kehidupan belia, supaya mereka terus unggul, dihargai oleh semua peringkat. (Titah Sambutan Hari Belia Kebangsaan Tahun 2021)

4e) Beta **berharap** golongan belia akan terus mampu untuk bersaing dan meneroka pasaran serta peluang-peluang baharu, lebih-lebih lagi berupaya

untuk menembusi pasaran luar negara. (Titah Sambutan Hari Belia Kebangsaan Tahun 2024)

Ayat (4c), (4d) dan (4e) juga merupakan ayat perintah tidak nyata yang berbentuk ilokusi dalam Teori Tindak Tutur (Austin, 1962). Dalam ayat (4c) kata “beta ingin” dalam ayat tersebut lebih kepada impian KDYMM dan bukan diujarkan dalam bentuk ayat perintah. Disebabkan oleh itu, penggunaan kata ‘ingin’ tergolong dalam kategori ilokusi yang membawa makna secara tidak langsung mengikut Teori Tindak Tutur (Austin, 1962). Begitu juga dengan (4d) dan (4e) kata ‘berharap’ dalam konteks ayat merupakan ayat permintaan berbentuk ilokusi yang digunakan dalam titah KDYMM kerana ia disampaikan secara tersirat menggunakan kata ‘harap’. Walhal, perkara tersebut merupakan menggunakan konteks ayat berunsurkan perintah.

Oleh itu, berdasarkan daripada analisis yang dibincangkan di atas memperlihatkan bahawa Titah KDYMM Sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan lazimnya menggunakan ayat perintah suruhan. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan ayat perintah suruhan merupakan suatu cara yang efektif dalam menyampaikan arahan. Sebagai contoh, penggunaan kata suruhan yang kerap digunakan dalam titah KDYMM seperti ‘perlu’, ‘hendaklah’ yang jelas memberi perintah suruhan berfokuskan kepada golongan belia. Cliff (2002) juga menyatakan bahawa dalam bahasa Melayu, kata ‘suruh’ merupakan hasil yang akan diperolehi oleh penutur daripada ujarannya tanpa merujuk kepada sebarang kebaikan sebagai alasan. Menurut kajian oleh Aminnudin Saimon dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2019), penutur yang mempunyai kedudukan sosial dan status yang lebih tinggi sering kali menggunakan lakuan ‘arahan’ dalam menggerakkan seseorang. Dengan itu, penggunaan ayat perintah suruhan ini mencerminkan ketegasan dan arahan yang seharusnya diambil tindakan oleh pihak tertentu.

Tambahan lagi, analisis yang dilakukan menunjukkan bahawa di dalam titah, KDYMM cenderung menggunakan bahasa-bahasa yang tidak biasa untuk disampaikan kepada masyarakat. Hal ini berlaku disebabkan beberapa faktor yang menyebabkan perintah tersebut mungkin tidak mahu kelihatan begitu tegas. Oleh itu, penggunaan bahasa yang abstrak dan mudah difahami banyak digunakan sebagai ayat perintah dalam Titah Sambutan Hari Belia Kebangsaan dari tahun 2019 hingga 2024. Pemilihan kata yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu ayat perintah itu boleh sahaja digunakan untuk melihat kepekaan masyarakat terhadap suruhan, larangan, silaan serta permintaan baginda tanpa menggunakan bahasa yang memerintahkan untuk dilaksanakan secara langsung. Ini kerana ayat yang digunakan dalam Titah Sambutan Hari Belia Kebangsaan 2019 hingga 2024 kebanyakannya menggunakan ayat perintah tidak langsung yang memerlukan kepekaan dalam setiap suatu ayat yang digunakan. Walau bagaimanapun, setiap ayat yang disampaikan dalam titah adalah diharapkan dapat difahami oleh semua lapisan masyarakat. Penggunaan elemen-elemen bahasa ayat perintah nyata dan tidak nyata ini juga sudah menjadi wadah dalam penyampaian suatu maklumat kepada masyarakat dan menjadikan sebuah titah tersebut tidak hanya menggunakan bahasa yang tegas tetapi neutral. Oleh itu, memang tidak dapat dinafikan lagi bahawa penyampaian ayat perintah yang terdapat dalam titah tidak hanya secara langsung tetapi juga adanya penggunaan ayat perintah yang bukan menggunakan ayat perintah yang jelas dan

secara langsung tetapi menggunakan pemilihan kata yang biasa dan masih dikategorikan sebagai ayat perintah.

KESIMPULAN

Sebagai rumusan, kajian ini diharap dapat memberi pemahaman mengenai ayat perintah nyata dan tidak nyata yang digunakan dalam komunikasi antara rakyat dan raja. Selain itu, kajian ini juga akan dapat memberi pemahaman tentang arahan yang disampaikan kepada golongan belia melalui titah KDYMM. Dari sudut akademik, kajian ini diharap akan dapat memberi sumbangan yang signifikan sebagai satu bahan bacaan ilmiah dan rujukan kepada para penyelidik dan pembaca yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang ayat perintah yang berbentuk nyata dan tidak nyata dalam Titah Sambutan Hari Belia Kebangsaan. Kajian ini tertumpu kepada analisis ayat perintah nyata dan tidak nyata dalam Titah Sambutan Hari Belia Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bagi tempoh tahun 2019 hingga 2024 sahaja. Kajian hanya menganalisis teks titah rasmi KDYMM yang disampaikan sempena Hari Belia Kebangsaan dan tidak melibatkan titah-titah lain seperti titah perasmian, titah Maulidur Rasul, atau titah dalam majlis rasmi kerajaan yang lain. Kajian hanya memberi tumpuan kepada fungsi komunikasi arahan dalam konteks pemimpin kepada rakyat, terutamanya kepada golongan belia, dan tidak meneliti impak atau keberkesanan arahan tersebut dalam pelaksanaan dasar atau program belia.

REFERENCES

- Austin, J.L. (1962). *How to do things with words*. Oxford University Press.
- Goddard, C. (2002). Directives Speech Acts in Malay (Bahasa Melayu): An Ethnopragmatic Perspective. *Cahiers de Praxématique*, 38, 113-143.
- Hasanudin, C. (2017). Analisis kesalahan berbahasa pada penulisan media luar ruang di kabupaten Bojonegoro. *Jurnal Pendidikan Bahasa Dan Sastra UPI*, 17(1), 120-129.
- Hussin, M., & Yahaya, S.R. (2024). Gaya Bahasa Kiasan dan Retorik dalam Titah Sultan Perak DYMM Sultan Nazrin Shah: Figurative and Rhetorical Language Style of the Speech of His Royal Highness Sultan Nazrin Shah the Sultan of Perak. *Global Journal Al-Thaqafah*, 12(2), 136-152. <https://doi.org/10.7187/GJAT122022-9>
- Jabatan Perdana Menteri. (n.d.). Kumpulan Titah KDYMM. <https://www.pmo.gov.bn/PMO%20Pages/Titah-View.aspx>
- Jabatan Perangkaan Brunei Darussalam. (2021). *Laporan Demografi Brunei Darussalam 2021*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Perangkaan Brunei Darussalam.
- Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. (n.d.). *Dasar Belia Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: KKBS.
- Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. (n.d.). Definasi Belia Negara. <http://www.belia-sukan.gov.bn/DasarDasar/Definasi%20Belia%20Negara.aspx>
- Mohd Shaffie. (1991). *Metodologi Penyelidikan* (Edisi ke-2). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mokhtar, D. S. (2015). Fungsi Ayat Perintah dalam Komunikasi Formal di Malaysia. *Jurnal Bahasa*, 35(1), 45-60.
- Moleong, L. J. (2000). *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Bandung: Remaja Rosdakarya.

- Moleong, L.J. (2005). *Metode Penelitian Kualitatif*. Remaja Rosdakarya: Bandung.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. (1994). *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- N. Muslim. (2014). Institusi Raja-Raja Melayu: Peranannya dalam memelihara kedudukan Islam dari sudut Perlembagaan. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*, 2(2), 121.
- Saimon, A., Licson, L., Mohamad Taufek, N. A., Japar, S. H., & Razali, S. N. A. (2021). Lakuan Bahasa Arahan dalam Teks Ucapan Perdana Menteri berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 63-78.
<https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.5.2021>
- Searle, J.R. (1969). *Speech Acts: An Essay in the Philosophy of Language*. Cambridge University Press.
- Searle, J.R. (1979). *Expression and Meaning: Studies in the Theory of Speech Acts*. Cambridge University Press.
- Yusof, N. (2021). Analisis gaya bahasa Sultan Kelantan: Penekanan terhadap isu sosial. *Jurnal Bahasa dan Sastera*, 40(1), 55-70.
- Zainal, A. (2017). Penggunaan Ayat Perintah dalam Ucapan Pemimpin Politik Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 33(2), 210-225.